

QASEH BAKTI PLUS – SOALAN LAZIM

Ciri-Ciri Produk

1. Apakah Qaseh Bakti Plus?

Qaseh Bakti Plus adalah satu pelan insurans hayat kumpulan bertempoh tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun bawah Polisi Induk Bank Simpanan Nasional, salah satu rakan kongsi perniagaan FWD Insurance Berhad. Harap maklum bahawa pembaharuan pelan insurans ini adalah tidak terjamin. Produk ini menawarkan perlindungan atas kematian akibat bukan kemalangan, kematian akibat kemalangan, manfaat tunai penghospitalan harian bagi punca berkaitan bukan kemalangan, manfaat tunai penghospitalan harian bagi punca berkaitan kemalangan dan manfaat tunai penghospitalan harian tambahan jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi.

2. Adakah saya layak?

Qaseh Bakti Plus ditawarkan kepada semua warga Malaysia berumur 18 hingga 55 tahun berdasarkan hari jadi berikutnya. Pemohon yang layak harus berfikiran waras.

3. Berapakah harganya?

Bergantung pada pelan yang dipilih, premium adalah serendah RM60 setahun. Untuk terus menikmati perlindungan sehingga umur 58 tahun, anda perlu membayar premium sepanjang tempoh perlindungan.

4. Apakah manfaat yang akan saya perolehi?

Anda akan menerima perlindungan untuk:

- *Manfaat Tunai Penghospitalan Harian sehingga RM200/sehari bagi punca berkaitan kemalangan*
- *Manfaat Tunai Penghospitalan Harian sehingga RM100/sehari bagi punca berkaitan bukan kemalangan*
- *Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan sehingga RM100/sehari jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi*
- *Manfaat Kematian akibat Kemalangan sehingga RM5,000*
- *Manfaat Kematian akibat Bukan Kemalangan sehingga RM2,500*

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

5. Bagaimanakah saya boleh beli atau ketahui maklumat lebih lanjut tentang Qaseh Bakti Plus?

Anda boleh membeli Qaseh Bakti Plus atau mengetahui lebih lanjut di fwd.com.my/direct/qaseh-bakti-plus atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat.

6. Bolehkah saya membeli lebih daripada SATU (1) pelan Qaseh Bakti Plus?

Setiap pelanggan hanya boleh membeli SATU (1) pelan Qaseh Bakti Plus.

7. Adakah saya layak untuk mendapat pelepasan cukai?

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak untuk pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Proses Pembayaran dan Pembatalan

1. Bagaimanakah saya boleh membayar premium untuk pelan yang dipilih?

Anda boleh membayar premium di cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat atau melalui perbankan dalam talian (FPX) atau menggunakan kad debit/kredit anda melalui gerbang pembayaran yang selamat.

2. Bolehkah saya menukar kekerapan pembayaran premium?

Tidak, kekerapan pembayaran premium bagi semua pelan Qaseh Bakti Plus hendaklah dibuat secara tahunan.

3. Bagaimana saya boleh memperbaharui pelan saya sebelum ia tamat?

Untuk kemudahan anda, sila pilih pembaharuan automatik semasa pembelian atau semasa ulang tahun sijil. Harap maklum bahawa pemilihan pembaharuan automatik tidak bermaksud bahawa pelan anda adalah terjamin untuk diperbaharui semasa ulang tahun sijil.

Keputusan untuk memperbaharui polisi adalah tertakluk pada budi bicara FWD Insurance. Anda akan dimaklumi melalui notis 60 hari terlebih dahulu sekiranya kami tidak memperbaharui polisi anda.

4. Bagaimanakah saya boleh membayar premium untuk pembaharuan Sijil?

- *Jika anda mendaftar auto debit menggunakan kad debit/kredit anda, premium pembaharuan akan dicaj kepada kad anda pada tarikh premium yang perlu dibayar.*
- *Jika anda ingin mendaftar auto debit menggunakan mana-mana akaun bank, sila lawati [Portal Pelanggan](#) kami untuk mendaftar.*
- *Sebagai alternatif, anda boleh membayar premium pembaharuan melalui JomPay atau lawati [Portal Pelanggan](#) kami.*

5. Berapa lama Tempoh Tenggang sebelum Sijil saya ditamatkan?

Tempoh Tenggang selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh premium yang perlu dibayar (termasuk) akan dibenar untuk pembayaran premium pembaharuan, semasa Sijil ini kekal berkuatkuasa. Jika premium masih belum dibayar pada hujung Tempoh Tenggang, Sijil ini akan luput dan perlindungan insurans akan tamat.

6. Adakah Qaseh Bakti Plus mempunyai tempoh pengamatan percuma?

Ya, Qaseh Bakti Plus mempunyai tempoh pengamatan percuma dan Anda boleh membatalkan Sijil Anda dalam masa lima belas (15) hari selepas Sijil ini telah dihantar kepada Anda. Kami akan memulangkan jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah.

7. Bolehkah saya membatalkan Sijil saya jika saya mendapati ia tidak lagi memenuhi keperluan saya?

Sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami di 1 300 22 6262 atau e-mel kami di ask@fwd.com untuk mendapatkan bantuan.

8. Adakah saya boleh mendapat bayaran balik jika saya membatalkan Sijil saya?

Seciranya permintaan untuk pembatalan diterima oleh kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil, Kami akan memulangkan jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah.

Seciranya anda membatalkan Sijil anda selepas lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil, Sijil anda akan tamat pada tarikh premium yang perlu dibayar yang seterusnya tanpa sebarang pemulangan premium yang telah dibayar.

9. Adakah terdapat sebarang nilai penyerahan apabila saya membatalkan Sijil saya?

Produk ini bukan pelan simpanan, oleh itu tiada sebarang nilai tunai akan dipulangkan pada penyerahan atau penamatan Sijil.

Proses Tuntutan dan Pengecualian

1. Bagaimana saya boleh membuat tuntutan?

Hubungi kami di 1 300 22 6262 atau sila layari fwd.com.my/claims/#insurance untuk mengetahui tentang langkah-langkah membuat tuntutan. Untuk mempercepatkan pembayaran wang polisi sekiranya berlaku tuntutan, sila muat turun dan lengkapkan Borang Penamaan di laman web kami fwd.com.my/support/forms/#insurance.

2. Berapa lama masa yang diperlukan untuk memproses tuntutan saya?

la mengambil masa sehingga 5 hari bekerja (untuk Manfaat Kematian) dan sehingga 7 hari bekerja (untuk Manfaat Tunai Penghospitalan) untuk memproses tuntutan selepas penerimaan dokumentasi yang diperlukan daripada anda.

3. Adakah terdapat tempoh menunggu sebelum saya boleh membuat tuntutan?

Terdapat tempoh menunggu selama 30 hari untuk kejadian bagi punca berkaitan bukan kemalangan. Sila rujuk Helaian Keterangan Produk untuk maklumat lanjut.

4. Bagaimanakah cara saya menyemak status tuntutan saya?

Anda boleh menghubungi Wakil Khidmat Pelanggan kami untuk mendapatkan bantuan melalui:

- 1. Sembang Langsung - fwd.com.my*
- 2. Emel - ask@fwd.com*
- 3. Talian Khidmat Pelanggan - [1 300 22 6262](tel:1300226262)*

5. Apakah beberapa pengecualian utama di bawah produk ini?

Semua manfaat TIDAK akan dibayar jika tuntutan adalah akibat daripada bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri ketika waras atau tidak waras dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil, menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang atau jika tuntutan adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.

Manfaat Tunai Penghospitalan TIDAK akan dibayar jika penghospitalan adalah disebabkan

secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan sedia ada, pembedahan plastik/ kosmetik, keadaan atau rawatan gigi termasuk pembedahan oral, apa-apa rawatan untuk kelainan kongenital, kehamilan, bersalin atau kelahiran anak.

Pegecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Helaian Keterangan Produk atau Polisi Induk.

Penamaan

1. Apakah itu Penamaan?

Hak yang diberikan kepada pemegang sijil untuk menamakan seseorang untuk menerima manfaat sijil apabila pemegang sijil meninggal dunia.

2. Mengapakah Penamaan penting?

- Melindungi kepentingan orang tersayang.
- Memudahkan proses tuntutan dan memastikan manfaat insurans anda dapat diberikan dengan lebih pantas.
- Tanpa penamaan, proses pentadbiran untuk membuat pembayaran akan memakan masa yang lebih lama.

3. Siapakah yang boleh saya namakan?

Anda boleh menamakan sesiapa sahaja selain daripada diri sendiri untuk menerima manfaat sijil apabila anda meninggal dunia (tertakluk pada Terma dan Syarat). Anda perlu memastikan bahawa penama mengetahui pelan yang anda telah beli.

4. Bilakah saya perlu membuat Penamaan?

- Semasa permohonan sijil atau secepat mungkin pada bila-bila masa.
- Anda juga boleh mengubah penamaan pada bila-bila masa sepanjang tempoh sijil.
- Borang penamaan terkini yang dikemukakan dan diperakui oleh kami akan menggantikan semua penamaan terdahulu.

5. Bagaimanakah caranya untuk membuat Penamaan?

Anda boleh membuat penamaan semasa proses permohonan Qaseh Bakti Plus. Jika anda memutuskan untuk melangkaui penamaan semasa proses permohonan, anda boleh membuat penamaan kemudian dengan mencetak Borang Penamaan di [sini](#), lengkapkan borang tersebut dan hantarkan melalui emel ke ask@fwd.com atau di mana-mana cawangan FWD Insurance kami.